



(<https://www.myzarratravel.com.my/>)

PRIVATE TOUR – 5 HARI 4 MALAM BROMO – BATU – SURABAYA TOUR

Indonesia

Tour Code: PTR01

Surabaya • Gunung Bromo • Batu • Sidoarjo — satu kembara penuh variasi di Jawa Timur.



ATURCARA PERJALANAN

HARI 1 : SURABAYA – BROMO TOSARI (MT/MM)

Setibanya di Lapangan Terbang Juanda, Surabaya, peserta akan disambut oleh pemandu pelancong tempatan. Lawatan dimulakan dengan Surabaya City Tour yang merangkumi kunjungan ke Monumen Kapal Selam (Monkasei) dan Tugu Pahlawan. Sebelum meneruskan perjalanan ke kawasan Gunung Bromo, singgah di Masjid Cheng Ho, masjid pertama di Surabaya yang dibina dengan seni bina tradisional menyerupai kuil Buddha dan Tao.

Seterusnya, perjalanan diteruskan ke kawasan Gunung Bromo dengan anggaran masa perjalanan sekitar 3.5 jam. Makan tengah hari dan makan malam disediakan di restoran tempatan.

Setibanya di Bromo, peserta akan daftar masuk hotel dan berehat.

HARI 2 : BROMO - BATU HIGHLAND - MALANG (SP/MT/MM)

Awal pagi sekitar jam 3.00 pagi, peserta akan dikejutkan untuk pengalaman kemuncak lawatan ke Gunung Bromo, menyaksikan keindahan matahari terbit yang menakjubkan dengan latar landskap gunung berapi yang memukau. Perjalanan ke Mount Penanjakan, platform pandangan Point 1 pada ketinggian 2,750 meter dari paras laut, akan dilakukan menggunakan pengangkutan tempatan atau kenderaan pacuan empat roda (jeep).

Selepas menikmati panorama pagi yang luar biasa, peserta akan kembali ke hotel untuk sarapan pagi, membersihkan diri dan daftar keluar. Perjalanan diteruskan ke kawasan tanah tinggi Batu, sebuah destinasi peranginan gunung yang sejuk dan nyaman. Dalam perjalanan, singgah melawat Air Terjun Coban Rondo serta Taman Labirin yang terkenal sebagai lokasi bergambar dan aktiviti santai.

Makan tengah hari dan makan malam disediakan di restoran tempatan sebelum daftar masuk hotel di Batu dan berehat.

HARI 3 : MALANG - BATU ARGO (SP/MT/MM)

Selepas sarapan pagi di hotel, peserta akan meneruskan lawatan ke kawasan Batu Highland, sebuah destinasi peranginan tanah tinggi yang terkenal dengan iklim sejuk dan udara segar. Lawatan dimulakan dengan kunjungan ke Ladang Epal milik penduduk tempatan, di mana peserta berpeluang memetik buah epal secara langsung.

Seterusnya, lawatan diteruskan ke Flora Wisata Santerra De Laponte yang menampilkan landskap taman bunga berwarna-warni, diikuti kunjungan ke Museum Angkut, sebuah muzium pengangkutan unik yang turut menampilkan Movie Star Studio.

Makan tengah hari dan makan malam disediakan di restoran tempatan sebelum peserta kembali ke hotel untuk berehat.

HARI 4 : MALANG - SIDOARJO - SURABAYA (SP/MT/MM)

Selepas sarapan pagi di hotel, peserta akan bertolak ke Sidoarjo City untuk aktiviti membeli-belah di Tanggulangin, kawasan yang terkenal dengan pelbagai produk kulit berkualiti seperti tali pinggang, dompet, beg dan kasut pada harga berpatutan. Lawatan diteruskan ke Mitra Shop untuk membeli snek tempatan seperti keropok udang dan ikan, serta singgah ke Indah Embroidery Moslem Fashion bagi pembelian pakaian Muslim dan cenderahati.

Seterusnya, peserta akan kembali ke Surabaya untuk mengunjungi Masjid dan Makam Sunan Ampel, masjid tertua di Surabaya yang dibina pada tahun 1421 oleh Raden Rahmatullah, salah seorang Walisongo yang berperanan penting dalam penyebaran Islam di Jawa. Masa turut diberikan untuk meneroka kawasan Arab Quarter yang terletak berhampiran.

Makan tengah hari dan makan malam disediakan di restoran tempatan sebelum peserta daftar masuk hotel dan berehat.

HARI 5 : SURABAYA - PENERBANGAN BALIK (SP)

Selepas sarapan pagi di hotel, peserta diberikan masa bebas untuk berehat atau melakukan aktiviti santai sendiri sehingga tiba waktu berlepas.

Seterusnya, pemindahan ke lapangan terbang akan diatur bagi penerbangan pulang.

MAKLUMAT HARGA:

PENGINAPAN	HARGA SEORANG (MYR)				GROUP SIZE (PAX)
	BERDUA/BERTIGA	SINGLE SUPP	KANAK-KANAK DENGAN KATIL	KANAK-KANAK TANPA KATIL	
Ground Only: SURABAYA :	1,970	480	1,780	1,190	2-3
NEO GUBENG HOTEL*3 / MIDTOWN HOTEL*3 / SIMILAR •	1,570	480	1,420	950	4-7
MALANG : SAME HOTEL*3 / SIMILAR • BROMO : GRAND WHIZ HOTEL*2 / SIMILAR	1,540	480	1,390	930	8-10
Penerbangan pergi balik AirAsia KUL-SUB-KUL (kos RM700/seorang)estimate* - kos akhir bergantung pada tarikh yang anda pilih.					

PAKEJ TERMASUK :

- Penginapan hotel
- Sarapan pagi di hotel
- Makanan seperti yang dinyatakan dalam program (Makanan Halal)
- Pengangkutan sepanjang tour
- Perkhidmatan Pemandu Pelancong (berbahasa Melayu) (02 - 07 Pax Driver Cum Guide)
- Semua bayaran masuk seperti yang dinyatakan dalam jadual perjalanan
- Air Mineral setiap hari

PAKEJ TAK TERMASUK :

- Tiket penerbangan dan Cukai Lapangan Terbang Antarabangsa *
- Hujung Minggu (Jumaat – Sabtu) / Cuti Umum Surcaj ke BROMO : RM 35/pax
- Tips untuk pemandu dan tour guide RM10/seorang/hari
- Insurans perjalanan RM64/seorang (Etiqa Takaful / Platinum Plan / umur 70 tahun dan ke atas tertakluk kepada surcaj)
- Perbelanjaan Peribadi (Porter, Dobi, telefon, Lawatan Pilihan, dll)

HARGA KANAK-KANAK:

- Harga kanak-kanak (02 – 11 Tahun): 100% Bilik Kongsi
- Harga kanak-kanak (02 – 11 Tahun): 90% Kongsi Katil
- Harga kanak-kanak (02 – 11 Tahun): 60% Tiada Katil
- Untuk Bayi, akan berkongsi makan dan tidur dengan ibu bapa dan oleh itu FOC.

NOTA & SURCAJ :

-

- ➔ Kadar adalah TERTAKLUK KEPADA PERUBAHAN DISEBABKAN MATA WANG TURUN
- ➔ Surcaj dikenakan untuk Krismas, Tahun Baru, Hari Raya & Cuti Sekolah.
- ➔ Tempoh sah pakej: Sehingga 31 Disember 2026

Jadual di atas digunakan sebagai panduan, ada kemungkinan sedikit perubahan.
TERMA & SYARAT DIKENAKAN

Sebarang pertanyaan tentang pakej hubungi :

- ☎ Office : 03-90572324(tel:+60390572324%20)
- ☎ Zawati : 019-2277253(tel:+60192277253)
- ☎ Saidatul : 011-2866 2548(tel:+60173496008)

Pautan

- Utama(<https://www.myzarratravel.com.my/>)
- Tentang Kami(<https://www.myzarratravel.com.my/tentang-myzarra/>)
- Hubungi Kami(<https://www.myzarratravel.com.my/hubungi-kami/>)

Alamat

📍 4-2, Jalan Tasik Selatan 3, Bandar Tasik Selatan, 57000 Cheras, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

☎ +603-90572324 (tel:+603-90572324)

✉ sales.myzarra@gmail.com

✉ zarratravel@gmail.com

www.inst

Media sosial

eb am.

ook_co

.co_m/

m/ my

MyZarra

dir du

aTr ave

ave y?

l) hl=

en)

☎ +603-90572324

Hubungi team kami untuk sebarang kekeliruan ataupun pertanyaan.